

Headline	99 lori tangki bantu penduduk terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	488 cm ²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 16,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,477



GANGGUAN BEKALAN AIR

99 lori tangki bantu penduduk terjejas

➔ Air Selangor turut buka pusat khidmat setempat, tangki statik di lokasi strategik



Abdul Raof Ahmad

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@nstp.com.my

Shah Alam

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menggerakkan 99 lori tangki, termasuk lori tangki jumbo sepanjang tempoh gangguan bekalan air bermula hari ini.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata pihaknya akan memberi keutamaan kepada premis membabitkan kecemasan, seperti hospital dan pusat dialisis.

Katanya, Air Selangor juga membuka 10 Pusat Khidmat Setempat (PKS) pada jam 8 pagi Jumaat ini, yang menyediakan bekalan air kepada penduduk.

"Kami juga akan menempatkan 106 tangki statik di premis kritikal dan lokasi strategik, selain penyediaan sembilan lokasi pili air awam bagi kegunaan penduduk terjejas.

Stesen pengisian air

"Selain itu, kita turut menyediakan stesen pengisian air khusus, bagi pembelian air untuk pelanggan industri yang mana mereka boleh berurusan di kaunter Pejabat Wilayah Air Selangor.

"Bagaimanapun, pelanggan ini perlu menggunakan lori tangki air yang diuruskan sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Abdul Raof berkata, lokasi pembelian ialah di Klang (Kolam Sungai Kapar Indah C, Lebuah Sungai Ka-

par Indah); Petaling (Jalan TPK2/2, Taman Perindustrian Kinrara, Puchong dan Jalan 1/1 Taman Metro Puchong); Gombak (Jalan Mutiara 1, Taman Selayang Mutiara, Bandar Baru Selayang, Batu Caves); Hulu Langat dan Kuala Lumpur (Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat, Batu 11, Jalan Cheras - Kajang) dan Kuala Selangor (Simpang 3, Jalan Bukit Belimbing, Kampung Permatang).

Pili air awam

Beliau berkata, pili air awam disediakan mengikut daerah.

Di Klang, pili air disediakan di Masjid Ar Rahimah Sri Andalas, manakala di Shah Alam di Persiaran Selangor, Seksyen 16.

Bagi Petaling, katanya, ia ditempatkan berhampiran Sekolah Kebangsaan Desa Tasik Jalan 11/146, Bandar Tasik Selatan, Sungai Besi; PJS 3, Taman Medan; Pejabat Perhutanan Sungai Buloh, Km 21, Jalan Subang dan Pejabat Ahli Majlis Zon 23, Taman Awam SS9, Jalan SS9/10.

Di Kuala Lumpur, pili air disediakan di Gelanggang Futsal Sungai Besi, manakala di Kuala Selangor, ia ditempatkan di Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 2/8 dan Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 3.

LOKASI STESEN PEMBELIAN AIR PIHAK INDUSTRI

Wilayah	Lokasi Stesen Pengisian
Klang	Kolam Sg Kapar Indah C, Lebuah Sg Kapar Indah
Petaling	Jalan TPK2/2, Taman Perindustrian Kinrara, Puchong dan Jalan 1/1 Taman Metro Puchong
Gombak	Jalan Mutiara 1, Taman Selayang Mutiara, Bandar Baru Selayang, Batu Caves
Hulu Langat/ Kuala Lumpur	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat, Batu 11, Jalan Cheras - Kajang
Kuala Selangor	Simpang 3, Jalan Bukit Belimbing, Kampung Permatang

LOKASI PILI AIR AWAM

Wilayah	Lokasi Pili Air Awam
Klang	1. Masjid Ar Rahimah Sri Andalas (Berhadapan Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang) 2. Jalan Persiaran Selangor, Seksyen 16 (Bawah Kolam Seksyen 16)
Petaling	1. Berhampiran Sekolah Kebangsaan Desa Tasik Jalan 11/146, Bandar Tasik Selatan, Sg. Besi 2. PJS 3, Taman Medan 3. Pejabat Perhutanan Sungai Buloh, Km 21, Jalan Subang 4. Pejabat Ahli Majlis Zon 23, Taman Awam SS9, Jalan SS9/10
Kuala Lumpur	Gelanggang Futsal, Sungai Besi
Kuala Selangor	1. Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 2/8 2. Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 3/8

GRAFIK: BHM

Info

Aduan

➔ Bagi kes kecemasan yang memerlukan bekalan air, orang ramai boleh menghubungi talian WhatsApp 019-2816793 atau 019-2800919 yang dibuka selama 24 jam.

Headline	Penduduk Shah Alam, Klang sudah bersiap sedia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	6	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,702
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,106



Penduduk Shah Alam, Klang sudah bersiap sedia

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



Orang ramai membeli tong air di sebuah kedai di Seksyen 19, Shah Alam, semalam.

Shah Alam: Penduduk di Shah Alam dan Klang bersiap sedia menghadapi gangguan bekalan air, susulan kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) hari ini.

Pelbagai persediaan dibuat oleh penduduk yang terjejas, antaranya membeli bekas air untuk menadah air dan membeli air minuman dalam kuantiti yang banyak.

Peniaga, Mohd Muzamir Mahyuddin, 33, yang tinggal di Seksyen 8, di sini, berkata beliau membeli tong air 70 gelen yang berharga RM145 bagi kegunaan isteri dan anaknya. "Walaupun kami hanya bertiga namun, saya tetap membuat persiapan untuk menghadapi segala kemungkinan.

"Sebelum ini pernah terjadi kepada saya dan keluarga bekalan air yang disimpan tidak cukup.

"Jadi, kali ini saya membeli yang lebih besar. Senang nanti boleh digunakan jika berlaku kejadian tiada air pada masa akan datang," katanya.

Penduduk buat persiapan awal

Dalam pada itu, pembantu penyelidik sebuah universiti awam, Nor-mi Idayu Ishak, 30, berkata beliau membuat persediaan dengan membeli air minuman dalam kuantiti yang banyak.

"Selain menadah air dalam baldi, saya beli air dalam kuantiti yang banyak. Ia susulan ruangan rumah yang terhad, serta rakan serumah turut menadah air.

"Lagipun semua air ini saya simpan di dalam kereta. Senang nak bawa ke mana-mana jika tempat yang saya mahu tuju itu tidak mempunyai air," katanya yang tinggal di Seksyen 7, di sini.

Selain itu, tinjauan BH di Klang mendapati segelintir penduduk sudah membuat persiapan, dengan mengisi air di dalam tong sejak malam kelmarin.

Bagi kakitangan swasta, Mohd Fazli Kamarudin, 38, berkata beliau membuat persiapan lebih awal supaya tidak tergesa-gesa pada hari ini.

Gangguan bekalan empat hari

"Mengikut jadual, kawasan saya iaitu Kampung Pendamar akan mengalami gangguan bekalan air bermula pagi, Rabu sehingga malam, Sabtu. Jadi tempoh empat hari, itu agak lama.

"Jika diikutkan tangki di rumah agak besar. Tambahan pula, ahli keluarga kami tidak ramai. Hanya isteri dan dua orang anak, jadi penggunaan air selalunya tidak banyak," katanya.

Headline	Kilang bateri diarah tutup serta-merta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	64	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	Norzamira Che Noh	AdValue	RM 11,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,002



PENCEMARAN ASID, PLUMBUM

Kilang bateri diarah tutup serta-merta

➔ Syarikat turut dikenakan enam kompaun berjumlah RM12,000

Oleh **Norzamira Che Noh**
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Sebuah kilang bateri di Jenjarom, Kuala Langat di sini diarah tutup serta-merta oleh kerajaan negeri sehingga siasatan terhadap pencemaran asid dan plumbum yang didakwa berpunca daripada kilang itu selesai.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Tek-

nologi dan Inovasi negeri, Hee Loy Sian, berkata kilang bateri itu turut dikenakan enam kompaun berjumlah RM12,000.

"Kilang itu juga berkemungkinan dipindahkan ke kawasan perindustrian lain sekiranya hasil siasatan mendapati pencemaran itu berpunca dari kilang berkenaan.

"Beberapa agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kesihatan serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dipertanggungjawabkan melakukan kajian ini.

Buat ujian darah

"Ia meliputi dari segi ujian darah termasuk pekerja kilang dan penduduk sekitar kilang itu bagi menentukan punca pencemaran asid dan plumbum," katanya dalam kenyataan semalam.

Loy Sian berkata, kilang itu mula

beroperasi pada 2014 dalam aktiviti pengisian asid sebelum bangunan itu musnah dalam kebakaran pada Disember 2017 serta dibenarkan beroperasi semula pada September tahun lalu.

"Sebagai sebuah kerajaan yang adil kepada semua, kami tidak hanya bertindak berpandu kepada sesuatu pihak atau sumber.

"Saya juga meminta Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berhenti memainkan isu kilang ini bagi meraih sokongan politik murahan serta untuk kepentingan diri sendiri.

"Beliau tidak seharusnya hanya mengambil pandangan dan kajian daripada pihak persatuan penduduk (di kawasan itu) dan bekas pengarah Unit Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar Universiti Teknologi Malaysia, Prof Maketab Mohamed tanpa merujuk hasil kajian agensi terbabit sebelum membuat tuduhan melalui laman sosial," katanya.



[FOTO ROSLIN MAT TAHIR /BH]

Loy Sian (tengah) meninjau keadaan parit di kawasan kilang bateri yang didakwa menyebabkan pencemaran di Jenjarom, Kuala Langat, baru-baru ini.

Headline	Tiada kenaikan harga tong air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	26	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,773



Tiada kenaikan harga tong air

Shah Alam: Tiada kenaikan harga tong air dikesan di negeri ini ketika orang ramai sibuk membeli barang berkenaan bagi menghadapi gangguan air bermula hari ini sehingga Sabtu ini.

Ia berdasarkan pemeriksaan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PKPDNHEP) Selangor sejak kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Azizan Abdullah berkata, pihaknya memeriksa 73 premis menjual tong air bagi mengekang peniaga memanipulasi harga bagi mengaut keuntungan berlebihan.

“Hasil pemeriksaan sejak semalam (kelmarin) anggota penguat kuasa mendapati peniaga meletakkan tanda harga tong air untuk jualan dan tiada unsur kenaikan harga.

“Sehingga kini, tiada aduan diterima PKPDNHEP Selangor berhubung kenaikan harga tong air,” katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Azizan berkata, pemeriksaan itu diteruskan dari semasa ke semasa sehingga isu gangguan air di negeri ini selesai.

“Peniaga disarankan tidak menaikkan harga tong air dengan niat mengaut keuntungan tidak munasabah. Sekiranya perkara ini dihidu, tindakan akan diambil dan dibawa ke mahkamah.

“Jika disabitkan kesalahan, pihak pertubuhan/perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM1,000,000.

“Jika pihak terbabit bukan pertubuhan/perbadanan, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Headline	Air Selangor gerak 99 lori tangki		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	26	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	38 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,491



Air Selangor gerak 99 lori tangki

Shah Alam: Sebanyak 99 lori tangki digerakkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Air Selangor) sepanjang tempoh gangguan bekalan air di Lembah Klang bermula hari ini. Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya akan memberi keutamaan kepada premis seperti hospital dan pusat dialisis. Menurutnya, 10 Pusat Khidmat Setempat (PKS) juga dibuka Jumaat ini bermula jam 8 pagi.

Headline	Penduduk giat simpan bekalan air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	495 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,500



“Walaupun terpaksa menadah air, kita perlu lihat dari sudut positif tindakan ini (penyelenggaraan) untuk memudahkan pengguna pada masa akan datang
Ahmad Faisal Mustafa

Penduduk giat simpan bekalan air

Kuala Lumpur: Penduduk Lembah Klang khususnya di kawasan yang terjejas dengan krisis air bermula hari ini giat menyimpan bekalan air untuk kegunaan harian.

Bagi Mohd Taufik Abdul Majid, 23, dia perlu menadah air lebih awal memandangkan keluarganya menetap di kawasan flat menyebabkan persediaan awal perlu dibuat bagi mengelak sebarang kesulitan.

Katanya, tong air sememangnya disimpan sebagai persediaan sekiranya krisis air berlaku pada bila-bila masa kerana tidak mahu urusan harian seperti mandi dan membasuh terjejas.

“Saya bersama ibu bapa dan tiga adik-beradik terpaksa berjimat menggunakan air kerana tidak mahu air yang disimpan kehabisan sebelum bekalan disambung semula.

“Sejak tengah hari saya mula mencuci tong sebelum menadah air. Saya harap krisis air ini dapat pulih dalam tempoh lebih cepat daripada jangkaan yang mengambil masa 86 jam,” katanya yang menetap di Flat Keramat AUI di sini, semalam.

Dalam pada itu, pesara, Ahmad Faisal Mustafa, 62, berkata, kenyataan kerajaan yang memberi jaminan bekalan air pulih dalam tempoh 48 jam disambut baik.

Katanya, jika bekalan air dapat dipulihkan dalam tempoh berkenaan, ia sudah pasti memberi kelegaan kepada masyarakat khususnya mereka yang berkeluarga selain peniaga.

“Walaupun terpaksa menadah air, kita perlu lihat dari sudut positif tindakan ini (penyelenggaraan) untuk memudahkan pengguna pada masa akan datang. Jadi persediaan awal perlu dibuat,” katanya.

Tinjauan Harian Metro menerusi Facebook mendapati ada warganet berkongsi tip menyimpan air dengan menggunakan beg plastik sebagai alternatif selain tong plastik.

Ini adalah langkah penjimatan jangka pendek memandangkan tong plastik yang dapat menampung kapasiti air sehingga 130 liter dijual pada harga antara RM80 hingga RM90.

Gangguan bekalan air dijangka berlaku di Kuala Lumpur, Klang, Petaling, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor bermula hari ini susulan kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2).

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) melaksanakan kerja penyelenggaraan itu bagi mencegah sebarang kerosakan atau risiko kegagalan sistem elektrik, sekali gus mengelak gangguan bekalan

air tidak terancang kepada pengguna. Henti tugas LRA SSP2 menyebabkan gangguan bekalan air hingga 86 jam kepada 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan akan terjejas.



MOHD Taufik mengeluarkan tong untuk menyimpan air.



FARAH Nadzira, 22, mengisi air ke dalam baldi dan bekas simpanan air sebagai langkah persediaan hadapi gangguan bekalan air.



PESARA polis, Zainuddin Hussain, 67, mengisi air ke dalam tong ketika tinjauan persediaan gangguan bekalan air di Pandan Indah, Ampang.



ORANG ramai membeli tong air sebagai persiapan gangguan bekalan air.

Headline	Kilang bateri di Jenjarom diarah tutup serta-merta		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	32	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,052
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,155



Kilang bateri di Jenjarom diarah tutup serta-merta

Shah Alam: Kerajaan Selangor mengarahkan sebuah kilang bateri di Jenjarom, Kuala Langat, ditutup serta-merta bagi membantu siasatan berkaitan pencemaran asid dan plumbum.

Selain itu, operasi kilang berkenaan akan dipindahkan ke kawasan perindustrian lain sekiranya hasil siasatan mendapati pencemaran berpunca daripada premis terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri Hee Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor diarahkan melakukan kajian berhubung pencemaran itu.

Beliau berkata, agensi lain turut terbabit adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),

Jabatan Kesihatan dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

"Kajian turut membabitkan sampel darah pekerja kilang dan penduduk setempat bagi menentukan punca pencemaran asid serta plumbum.

"Justeru, kerajaan negeri mengarahkan operasi kilang itu dihentikan sementara menunggu hasil siasatan dan keputusan muktamad mengenai

nya." katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Hee berkata, pemeriksaan awal mendapati kilang itu mula beroperasi pada 2014 dan melakukan aktiviti pengisian asid.

Menurutnya, bangunan itu musnah dalam kebakaran dan dibenarkan kembali beroperasi, September tahun lalu.

"Kilang itu pernah dike-

nakan tindakan atas empat kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 selain enam kompaun kerana gagal mematuhi pengurusan buangan terjadual di bawah akta sama," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Presiden MCA Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menghentikan isu kilang berkenaan bagi meraih sokongan politik murahan.



Headline	Gangguan air bermula hari ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,382
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,146



Gangguan bekalan air bermula hari ini » 14

Pelbagai kemudahan disediakan bantu lebih 4.1 juta penduduk terjejas

Gangguan air bermula hari ini

SHAH ALAM - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) akan menggerakkan 99 tangki termasuk lori tangki jumbo di 577 kawasan yang terlibat gangguan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur bermula hari ini.

Ketua Jabatan Per-

hubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor Sdn. Bhd. Abdul Raof Ahmad berkata, keutamaan akan diberikan di hospital dan pusat dialisis.

Menurut beliau, pihaknya juga akan menempatkan 106 tangki statik di lokasi kritikal serta strategik selain penyediaan sem-

bilan lokasi pili air awam bagi kegunaan penduduk yang terjejas.

"Pili-pili air awam itu diletakkan di kawasan strategik seperti masjid, sekolah dan pusat perniagaan.

"Selain itu, sebanyak 10 buah Pusat Khidmat Setempat akan diaktif-

kan bermula pada pukul 8 pagi pada Jumaat ini bagi memberi bantuan kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bermula hari ini sehingga 27 April ini, sebanyak 577 kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur akan mengalami gangguan bekalan air sementara disebabkan kerja-kerja penambahbaikan sistem bekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 di Kuala Selangor.

Gangguan air itu melibatkan enam wilayah iaitu Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor melibatkan 620,835 pemilik akaun atau 4,143,465 peng-



SEORANG pekerja menyimpan bekalan air sebagai persediaan menghadapi gangguan bekalan di Restoran Mirasa di Seksyen 9, Shah Alam semalam.

guna. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web www.syabas.com.my, Facebook Air Selangor dan Twitter @[air_selangor](https://twitter.com/air_selangor) atau menghubungi talian hotline 15300 atau talian WhatsApp 019-281 6793 atau 019-280 0919 yang dibuka 24 jam.

Headline	Gangguan air bermula hari ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,382
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,146



Gangguan bekalan air bermula hari ini » 14

Pelbagai kemudahan disediakan bantu lebih 4.1 juta penduduk terjejas

Gangguan air bermula hari ini

SHAH ALAM - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) akan menggerakkan 99 tangki termasuk lori tangki jumbo di 577 kawasan yang terlibat gangguan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur bermula hari ini.

Ketua Jabatan Per-

hubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor Sdn. Bhd. Abdul Raof Ahmad berkata, keutamaan akan diberikan di hospital dan pusat dialisis.

Menurut beliau, pihaknya juga akan menempatkan 106 tangki statik di lokasi kritikal serta strategik selain penyediaan sem-

bilan lokasi pili air awam bagi kegunaan penduduk yang terjejas.

"Pili-pili air awam itu diletakkan di kawasan strategik seperti masjid, sekolah dan pusat perniagaan.

"Selain itu, sebanyak 10 buah Pusat Khidmat Setempat akan diaktif-

kan bermula pada pukul 8 pagi pada Jumaat ini bagi memberi bantuan kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bermula hari ini sehingga 27 April ini, sebanyak 577 kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur akan mengalami gangguan bekalan air sementara disebabkan kerja-kerja penambahbaikan sistem bekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 di Kuala Selangor.

Gangguan air itu melibatkan enam wilayah iaitu Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor melibatkan 620,835 pemilik akaun atau 4,143,465 peng-



SEORANG pekerja menyimpan bekalan air sebagai persediaan menghadapi gangguan bekalan di Restoran Mirasa di Seksyen 9, Shah Alam semalam.

guna.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web www.syabas.com.my, Facebook Air Selangor dan Twitter @

[air.selangor](https://www.facebook.com/air.selangor) atau menghubungi talian hotline 15300 atau talian WhatsApp 019-281 6793 atau 019-280 0919 yang dibuka 24 jam.

Headline	Pengguna siap sedia hadapi gangguan air		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,410
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,230



Pengguna siap sedia hadapi gangguan air

KUALA LUMPUR - Notis gangguan air di beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah melariskan penjualan tong air di beberapa kedai.

Tinjauan *Sinar Harian* di dua kedai terletak di Bandar Baru Sentul di sini mendapati tong air bersaiz besar habis terjual.

Seorang pekerja berkata, kedainya kehabisan stok tong air sejak kelmarin susulan ramai pelanggan membelinya untuk persediaan menghadapi gangguan bekalan air bermula hari ini.

"Tong besar sudah habis yang tinggal hanya saiz kecil saja. Tempahan baharu dah dibuat tapi sampai minggu depan," katanya.



Tong besar menyimpan air habis dibeli pengguna.

Orang ramai yang ditemui memberitahu telah membuat persediaan awal menghadapi gangguan bekalan air itu.

Azli Abdul Mokti, 48, berharap kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan Air Sungai

Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) tidak mengambil masa panjang dan selesai pada waktu yang ditetapkan.

"Kalau gangguan hanya satu hari tangki air mungkin dapat menampung pengguna-

an isi rumah memandangkan kegunaan air juga terhad disebabkan anak-anak bersekolah.

"Saya akan beli air mineral untuk tampung keperluan dan jika masih tidak mencukupi terpaksa juga menginap di hotel berhampiran," katanya.

Sementara itu, **Sharifah Nur Farahin Syed Mohd Aziz**, 21, yang tinggal bersama ibu dan bapanya berkata, dia telah membuat persediaan awal membeli tong dan menadah air.

"Kami dah buat persediaan awal masa dapat tahu kawasan Sentul terlibat dengan gangguan air disebabkan tempohnya agak lama dari kebiasaan.

"Air mungkin cukup namun berharap tempoh gangguan dipendekkan," katanya.

Headline	Air Selangor aktifkan 10 PKS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	491 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 10,409
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,227



Air Selangor aktifkan 10 PKS

Siap sedia hadapi gangguan bekalan air berjadual mulai hari ini

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM



Lori tangki Air Selangor siap sedia menghantar bekalan air kecemasan kepada pelanggan.

Air Selangor menyelaras sepuluh Pusat Khidmat Setempat (PKS) di beberapa lokasi untuk memberikan bantuan kepada pelanggan yang terkesan akibat gangguan bekalan air berjadual bermula hari ini.

PKS terbabit akan diaktifkan bermula jam 8 pagi 26 April ini.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, pusat khidmat itu ditempatkan di beberapa kawasan yang terlibat gangguan bekalan air berjadual.

"PKS ini ditempatkan di kawasan Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur dan Kuala Selangor," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Abdul Raof berkata, Air Selangor juga akan mengerahkan sebanyak 82 lori tangki air dan 17 lori tangki jumbo sepanjang tempoh gangguan bekalan air berlaku.

"Kesemua lori ini akan diberi keutamaan bagi kecemasan dan premis-premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis

dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, sebanyak 106 buah tangki statik akan ditempatkan di premis kritikal serta lokasi-lokasi strategik.

"Air Selangor juga akan menyediakan lokasi-pili air awam bagi kegunaan pelanggan yang terjejas.

"Dalam masa sama, kita



ABDUL RAOF AHMAD

menyediakan stesen pengisian air khusus bagi pembelian air untuk pelanggan industri. Pelanggan industri boleh membuat pembelian air dan berurusan di kaunter-kaunter Pejabat Wilayah Air Selangor serta perlu menggunakan lori tangki air yang diuruskan sendiri," katanya.



LOKASI PKS

KLANG/SHAH ALAM

- Dewan MBSA, Jalan Sg Gapis 27/71, Seksyen 27, Shah Alam,
- Taman Rekreasi, Jalan Delima 8, Bandar Parklands,
- Jalan B34/B, Off Jalan Bukit Naga (berdekatan Mydin Bukit Naga)

PETALING

- Jalan Kubu Gajah, Taman Sri Buloh U19/1A, Sungai Buloh,
- Jalan Merah Silu, Bandar Baru Sri Petaling,
- Jalan Harapan, Seksyen 17 Petaling Jaya,

GOMBAK

- Jalan Kenanga SD 9/5 Bandar Sri Damansara.

KUALA LUMPUR

- Lot parkir Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
- Lot parkir Surau An-Nur, Jalan 1/48A, Bandar Baru Sentul

KUALA SELANGOR

- Dataran KFC Puncak Alam, Jalan Puncak Alam Jaya 13, Pusat Perdagangan Bandar Puncak Alam

LOKASI PILI AIR AWAM

KLANG

- Masjid Ar Rahimah Sri Andalas (berhadapan Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang)
- Jalan Persiaran Selangor, Seksyen 16 (bawah Kolam Seksyen 16)

PETALING

- Berhampiran Sekolah Kebangsaan Desa Tasik, Jalan 11/146, Bandar Tasik Selatan, Sungai Besi
- PJS 3, Taman Medan
- Pejabat Perhutanan Sungai Buloh, KM 21, Jalan Subang
- Pejabat Ahli Majlis Zon 23, Taman Awam SS9, Jalan SS9/10

KUALA LUMPUR

- Gelanggang Futsal, Sungai Besi

KUALA SELANGOR

- Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 2/8
- Pusat Perniagaan Alam Jaya, Jln PPAJ 3/8

INFO@PRK.SINARHARIAN.COM

Headline	MBSA tutup beberapa jalan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 851
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,554



MBSA tutup beberapa jalan

SHAH ALAM-Beberapa jalan utama di Bandar Shah Alam akan ditutup sementara bagi melancarkan perjalanan program Larian *IOS Half Marathon* anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM), 28 April ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, penutupan jalan-jalan tersebut bagi memastikan program berkenaan berjalan lancar.

“Antara jalan yang ditutup melibatkan Bulatan Kemajuan, Bulatan Perusahaan, Persiaran Dato’ Menteri, Bulatan Mestika, Persiaran Raja Muda dan Bulatan Bestari.

“Selain itu, penutupan turut melibatkan Persiaran Institut, Persiaran Kayangan, Jalan Padang Jawa dan Persiaran Selangor,” katanya.

Katanya, penutupan jalan akan bermula pada jam 2 petang sehingga 6 pagi.

Headline	Sasar lebih 1 juta pembaca		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	20	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	430 cm ²
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 9,116
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,348



Sasar lebih 1 juta pembaca

PPAS yakin program Jom Baca Bersama Untuk 10 minit capai sasaran

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yakin program Jom Baca Bersama Untuk 10 minit di seluruh Selangor tahun ini disertai lebih 1 juta orang.

Pengarahannya, Mastura Ahmad berkata, program kali keenam penganjurannya itu diadakan secara serentak di seluruh negara bertujuan menggalakkan masyarakat menjadikan membaca sebagai amalan walaupun dalam tempoh singkat.

Beliau berkata, pada tahun lalu seramai 973,700 orang menyertai program

itu yang diadakan di peringkat Selangor.

"Di perpustakaan ini saja lebih 1,000 orang awam termasuk wakil daripada pelbagai agensi negeri membaca bersama selama 10 minit bermula jam 11 pagi.

"Program sama juga berjalan serentak di pelbagai tempat lain di Selangor dan saya berharap pada tahun ini bilangan pembaca boleh mencecah lebih satu juta," katanya ketika ditemui selepas Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit 2019 di Perpustakaan Raja Tun Uda, semalam.

Mastura berkata, gerakan membaca serentak dalam tempoh 10 minit itu merupakan konsep yang sangat mudah dan ringan khususnya bagi manamana individu yang baru berjinak dengan amalan membaca.

"Mereka hanya perlu berhenti sebentar di mana mereka berada dan luangkan masa selama 10 minit



Mastura (duduk tiga dari kiri) dan Masdiana (duduk dua dari kanan) bersama pengunjung Perpustakaan Raja Tun Uda pada program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit, semalam.

untuk baca apa-apa saja bahan bacaan.

"Saya percaya program ini dapat diteruskan dan dikembangkan lagi pada masa akan datang supaya masyarakat di Selangor dan juga Malaysia dapat mencapai tahap *the reading nation*. Ia juga selari dengan sasaran ditetapkan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik untuk men-

jadikan Malaysia Negara Membaca menjelang 2030," katanya.

Turut hadir, isteri Menteri Besar Selangor, Masdiana Muhamad; Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas), Gan Pei Nei dan ADUN Kota Anggerik, Mohd Najwan Halimi.

Masdiana turut melancarkan program *Little Free*

Library yang buat pertama kali dianjurkan oleh PPAS di Perpustakaan Raja Tun Uda.

Mastura berkata, program tersebut diilhamkan selepas beliau membuat satu lawatan ke sebuah agensi berita tempatan baru-baru ini di mana konsep sebuah rumah kecil diwujudkan untuk diletakkan buku atau bahan

bacaan.

"Sesiapa sahaja boleh datang dan ambil buku di rumah kecil itu untuk mereka baca dan pada masa sama, mereka boleh letak apa-apa buku yang dimiliki untuk diambil dan dibaca oleh orang lain.

"Ini merupakan usaha kecil kita dan program itu akan diperluaskan ke 97 perpustakaan lain di negeri ini. Sekurang-kurangnya kalau perpustakaan tutup, orang ramai masih boleh datang dan ambil buku dari rumah kecil ini yang berada di luar bangunan untuk mereka duduk dan baca," katanya berharap kaedah serupa dapat dilaksanakan secara meluas oleh ramai pihak.

Pada majlis sama, seorang guru, Norliza Mohd Hadi, 48, dan anaknya, Azrin Syarina Abdul Aziz, 12, menerima anugerah Peminjam Buku Paling Aktif 2018 iaitu masing-masing dengan jumlah pinjaman sebanyak 1,661 dan 1,326 naskhah.

Headline	Kembalikan peranan perpustakaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	20	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	185 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,766



Kembalikan peranan perpustakaan

RAWANG - Persekitaran selesa dalam perpustakaan mampu tarik minat pelajar mendekati buku seterusnya menjadikan membaca sebagai

amalan.

ADUN Rawang, Chua Wei Kiat berkata, pihaknya bercadang membantu meningkatkan infrastruktur perpustakaan di sekolah.

“Bermula daripada ta-

hun ini, Pusat Khidmat DUN Rawang akan pergi ke setiap sekolah dan cuba membantu meningkatkan kemudahan dalam perpustakaan.

“Perkembangan teknologi menyebabkan jumlah pelajar ke perpustakaan semakin berkurangan. Saya bercadang mengembalikan fungsi perpustakaan sebagai sumber rujukan dan bahan bacaan,” katanya pada program Jom Baca Bersama Untuk 10 minit di Sekolah Kebangsaan Bukit Rawang Jaya, semalam.

Katanya, program semalam itu adalah bertujuan menggalakkan minat pembaca dalam kalangan murid.

“Kami bercadang menjadikan program ini sebagai acara tahunan di lokasi berbeza,” katanya.



Wei Kiat menyertai kempen Jom Baca Bersama untuk 10 minit di SK Bukit Rawang Jaya semalam

Headline	Shah Alam Volleyball Championship tarik penyertaan kelab Asia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,427
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,281



Shah Alam Volleyball Championship tarik penyertaan kelab Asia

SHAH ALAM - Kejohanan 'Shah Alam Volleyball Championship' 2019 bakal diperkasakan dengan lebih banyak penyertaan kelab dari Asia pada tahun depan.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, itu antara perkara yang dibincangkan pihaknya dengan Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman baru-baru ini.

Melalui perbincangan itu, kedua-dua pihak melihat pemerkasaan kejohanan ini amat penting.

"Kita jangkakan mungkin lebih banyak kelab Asia yang akan sertai kejohanan ini tahun depan, malah kerajaan negeri juga bersejua untuk memperuntukkan



Mohd Rashidi tengah bersama pasukan Shah Alam City yang dinobatkan juara 'Volleyball Championship' Piala Menteri Besar Selangor 2019

sejumlah bajet dari segi hadiah ditawarkan pada masa akan datang," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan ter-

sebut di Dewan Bola Tampar, Seksyen 4, di sini, Ahad lalu.

Sementara itu, kejohanan 'Shah Alam Volleyball Championship' 2019 kali ini menyaksikan

pasukan bola tampar Shah Alam City muncul sebagai juara selepas menewaskan pasukan Sanest Khao Hoa dari Vietnam dalam pertarungan sengit dengan kutip-

an mata 16-25, 22-25, 32-30, 25-15, 15-8.

Dengan kemenangan itu, melayakkan pasukan kendalian Khoo Chong Long membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, piala iringan, piala pusingan beserta baucar World of Sports bernilai RM3,000.

Pasukan Sanest Khao Hoa pula membawa pulang wang tunai RM10,000 dan voucher World of Sports bernilai RM2,000, manakala tempat ketiga dimenangi pasukan Garuda Jakarta dari Indonesia yang memperoleh tunai RM1,000.

"Kita terima penyertaan sebanyak 62 pasukan dari dalam dan luar negara antaranya dari Thailand, Indonesia, Vietnam dan Jepun," katanya.

Headline	Lembu berkeliaranancam keselamatan pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	149 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,477



Lembu berkeliaranancam keselamatan pengguna

PELABUHAN KLANG – Sikap tidak prihatin segelintir penternak lembu yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran di sekitar jalan Lebuhraya Pulau Indah – Shah Alam berhampiran Bandar Botanik, di sini boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati haiwan ternakan itu dibiarkan berkeliaran di jalan raya menyebabkan pengguna terpaksa memberhentikan kenderaan mereka untuk mengelak daripada melanggar haiwan tersebut.

Menurut Fazlisham Hashim, 39, berkata, tindakan tidak bertanggungjawab pemilik ternakan itu menyebabkan nyawa pengguna lain terancam.

“Sikap lepas tangan mereka ini boleh meragut nyawa pengguna, lebih-lebih lagi ini jalan utama, memang sentiasa ada kenderaan, terutama kenderaan berat.

“Biasanya waktu petang, banyak lembu-lembu berkeliaran untuk meragut rumput di bahu lebuhraya ini,” katanya.

Dia yang juga pekerja swasta memaklumkan, pengguna jalanraya tidak mempunyai pilihan terpaksa memperlahankan kenderaan jika bertembung dengan haiwan tersebut kerana tindakan membunyikan hon bermungkinan menyebabkan lembu terkejut dan merempuh kenderaan.

“Harap pemilik ternakan lebih bertanggungjawab supaya tiada nyawa tidak berdosa melayang disebabkan sikap mereka ini,” katanya.



Tindakan pemilik melepaskan ternakan mereka meragut rumput di tepi lebuhraya mengancam nyawa pengguna.

Headline	Surau perlukan sumbangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 7,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,750



Surau perlukan sumbangan

Pembinaan surau SMK Seri Tanjung perlukan RM100,000

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR



KHAIRUL ZAMRI



Dana sumbangan orang ramai dan badan korporat prihatin diperlukan untuk menyiapkan projek pembinaan semula surau SMK Seri Tanjung yang sebelum ini musnah dalam kebakaran tiga tahun lalu.

RM100,000 dana sumbangan diperlukan untuk kerja baik pulih fasa terakhir surau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Tanjung yang musnah dalam kebakaran tiga tahun lalu.

Yang Dipertua PIBG, Khairul Zamri Jamal berkata, sumbangan orang ramai masih diperlukan

untuk menyiapkan kerja bagi fasa terakhir surau itu sebelum siap sepenuhnya.

Menurutnya, anggaran keperluan infak orang ramai dan badan korporat prihatin dalam RM100,000 lagi untuk pendawaian baharu elektrik dari blok sekolah ke surau.

"Selain itu, kos sama diperlukan untuk kerja

pembinaan susur gajah yang menghubungkan bangunan sekolah dan surau, keperluan dalaman surau, 'interlocking', kelengkapan pendingin hawa serta pagar.

"Kami masih berusaha

mencari dana bagi memastikan surau baharu ini dapat memberi keselesaan kepada 800 pelajar dalam satu-satu masa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Khairul Zamri yang juga Pengerusi Majlis

Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jeram itu memaklumkan, sambutan awam kempen kutipan derma untuk pembinaan semula surau itu berjalan lancar.

"Awal kutipan derma

sebelum ini alhamdulillah berjaya mengumpulkan sejumlah dana bagi menyiapkan kerja tapak, pembinaan struktur bangunan dan sistem perpaipan.

"Jadi kami mengharapkan sokongan semua pihak dan untuk saluran dana sumbangan boleh terus ke akaun Bank Islam 12083 01002 5989 atas nama Surau Nurul Iman SMK Seri Tanjung.

"Penyumbang juga boleh menyalurkan ke akaun Maybank 0121 38500 439 atas nama PIBG SMK Seri Tanjung bagi memudahkan sumbangan atas talian," katanya.

Pembinaan surau baharu itu bertujuan menggantikan surau lama yang sebelum ini musnah dalam kebakaran pada Disember 2016 lalu.

Headline	ADUN Jeram, Perkeso jalin kerjasama		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,310



ADUN Jeram, Perkeso jalin kerjasama

JERAM – Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Jeram bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menyalurkan maklumat bermanfaat kepada penduduk setempat.

ADUNnya, Mohd Shaïd Rosli berkata, pihaknya tidak terkecuali menerima perkhabaran mengenai musibah kemalangan dan kematian hampir setiap hari membabitkan penduduk setempat.

“Kita terima hampir setiap hari kes kematian dan kemalangan malah dengan kerjasama ini, kita dapat memanjangkan untuk semakan samada waris ini mempunyai kelayakan untuk permohonan.

“Setiap kali ziarah, kami boleh panjangkan melalui semakan maklumat mykad samada mangsa mempunyai caruman yang layak untuk dibantu memandangkan kebanyakan waris keluarga tidak tahu menahu mengenai perkara ini.

“Jadi, sangat rugi jika tidak dituntut khairat kematian atau pencen penakat lebih-lebih lagi mangsa mempunyai anak dan iste-



Mohd Shaïd (dua dari kiri) menyampaikan faedah pengurusan kematian kepada waris penerima.

ri yang perlu ditanggung,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Shaïd turut menekankan peranan pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) DUN Jeram supaya sentiasa mengambil tahu penduduk yang ditimpa musibah.

“Jika dapat maklumat mengenai kematian atau kes kemalangan, saya minta pengerusi MPKK panjangkan kepada PKM atau terus ke Skwad Prihatin Perkeso untuk semakan.

“Inisiatif Perkeso mengwujudkan skuad prihatin ini cukup bagus kerana mereka sentiasa mendapat maklumat yang dikongsikan dalam media

